

**Memorandum
Perbendaharaan
Mengenai Anggaran
Hasil Kerajaan
Persekutuan
Tahun 2026**

MEMORANDUM PERBENDAHARAAN MENGENAI ANGGARAN HASIL KERAJAAN PERSEKUTUAN TAHUN 2026

1. Memorandum ini menerangkan anggaran hasil Kerajaan Persekutuan 2026 dan semakan hasil 2025. Memorandum ini disediakan mengikut Perkara 99, Perlembagaan Persekutuan.
2. Hasil Kerajaan Persekutuan 2026 dianggarkan berjumlah RM343.1 bilion. Butiran mengenai kutipan sebenar 2024, anggaran disemak 2025 dan anggaran hasil 2026 adalah di seksyen Ringkasan dan Perincian Anggaran Hasil Kerajaan Persekutuan.

Klasifikasi Hasil

3. Hasil Kerajaan Persekutuan terbahagi kepada empat komponen utama, iaitu Hasil Cukai, Hasil Bukan Cukai, Terimaan Bukan Hasil dan Hasil daripada Wilayah Persekutuan.
4. **Hasil Cukai** diklasifikasikan kepada Hasil Cukai Langsung dan Hasil Cukai Tidak Langsung. Hasil Cukai Langsung terdiri daripada:
 - a. Cukai Pendapatan (individu¹, syarikat, petroleum, pegangan, koperasi, dan lain-lain); dan
 - b. Cukai Langsung Lain (duti setem, cukai keuntungan harta tanah (CKHT), cukai aktiviti perniagaan luar pesisir Labuan, dan lain-lain).
5. Hasil Cukai Tidak Langsung terdiri daripada:
 - a. Duti Eksport;
 - b. Duti Import;
 - c. Duti Eksais;
 - d. Cukai Jualan dan Cukai Perkhidmatan (SST);
 - e. Cukai Pelancongan; dan
 - f. lain-lain.
6. **Hasil Bukan Cukai** terdiri daripada:
 - a. Lesen dan Permit termasuk semua bayaran yang dikenakan berkaitan dengan pemberian hak kepada individu, perbadanan, perniagaan dan perusahaan lain, antaranya termasuk royalti petroleum serta lesen kenderaan bermotor bagi tujuan kawalan atau peraturan;
 - b. Bayaran Perkhidmatan termasuk terimaan bagi perkhidmatan yang diberi oleh Kerajaan Persekutuan kepada orang awam;
 - c. Perolehan daripada Jualan Barang termasuk terimaan daripada jualan harta benda fizikal yang dimiliki oleh kerajaan termasuk tanah, bangunan, peralatan pejabat dan jualan barang pelbagai jenis;

¹ Terdiri daripada penggajian dan selain penggajian.

- d. Sewaan termasuk sewa tanah, bangunan, kenderaan, jentera dan pelbagai peralatan;
- e. Faedah dan Pulangan Pelaburan termasuk perolehan daripada pelupusan pelaburan, dividen daripada saham, pendapatan faedah dan faedah pinjaman yang diberi oleh Kerajaan Persekutuan;
- f. Denda dan Penalti termasuk bayaran penyelesaian luar mahkamah dan rampasan;
- g. Sumbangan dan Bayaran Ganti daripada Luar Negeri dan Sumbangan Tempatan; dan
- h. Pendapatan daripada Aktiviti Carigali Minyak dan Gas Malaysia – Thailand Joint Authority (MTJA).

7. **Terimaan Bukan Hasil** terdiri daripada:

- a. Pulangan Balik Perbelanjaan termasuk terimaan balik bayaran daripada tahun sebelumnya, pulangan balik gaji kerana peletakan jawatan, pulangan balik perbelanjaan latihan, dapatan balik wang amanah dan wang tak dituntut; dan
- b. Terimaan daripada Agensi Kerajaan termasuk pindahan dana antara kementerian atau jabatan bagi perkhidmatan yang diberi di antara agensi kerajaan, bayaran balik ke atas caruman kerajaan di bawah skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan sumbangan daripada jabatan kerajaan, badan berkanun atau syarikat milik kerajaan.

8. **Hasil daripada Wilayah Persekutuan** terdiri daripada hasil cukai dan hasil bukan cukai termasuk penerimaan daripada lesen dan permit, premium dan cukai tanah, jualan aset, sewaan, bayaran perkhidmatan dan duti hiburan.

Perbendaharaan Persekutuan
Kementerian Kewangan Malaysia
10 Oktober 2025